

1. Promosi ini dibuka kepada semua Pemegang Kad Kredit Hong Leong Bank Berhad (“pihak Bank”) Utama dan Kad Tambahan, kecuali Pemegang Kad “American Express”. Promosi ini adalah sah dari 1 November 2017 hingga 31 Januari 2018, termasuk kedua-dua tarikh melainkan diberitahu sebaliknya.
2. Semua pembelian ansuran di bawah promosi ini tertakluk kepada Terma dan Syarat Pelan Pembayaran Lanjutan pihak Bank dan semua pembelian tertakluk kepada Perjanjian Pemegang Kad Kredit “MasterCard”/Visa Perjanjian yang boleh didapati di laman web www.hlb.com.my.
3. Pesanan ini adalah tertakluk kepada ketersediaan stok, penerimaan borang pesanan oleh Tri E Marketing Sdn. Bhd. (“Peniaga”) dan kelulusan transaksi yang diterima daripada pihak Bank. Produk yang diterima dalam keadaan baik tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar.
4. Semua penghantaran pesanan mel akan diproses selepas sepuluh (10) hari bekerja tempoh bertenang, melainkan Pemegang Kad telah bersetuju untuk mengecualikan tempoh bertenang seperti di atas.
5. Sila benarkan sekurang-kurangnya empat (4) minggu untuk penghantaran selepas tempoh bertenang atau bersetuju untuk mengecualikan tempoh bertenang selepas penerimaan pesanan. Perkhidmatan penghantaran akan diaturkan antara Pemegang Kad dan Peniaga. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang timbul disebabkan kelewatan atau kegagalan penghantaran.
6. Produk promosi ditawarkan dan dibekalkan oleh Peniaga. Pihak Bank hanya menyediakan cara pembayaran untuk Pemegang Kad kepada Peniaga.
7. Pihak Bank tidak akan menerima apa-apa liabiliti yang timbul daripada penggunaan produk atau perkhidmatan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa perwakilan atau jaminan yang dibuat dengan mana-mana produk.
8. Pihak Bank dan Peniaga berhak membatalkan, mengubah atau menggantikan mana-mana bahagian promosi ini.
9. Dengan mengemukakan salinan perintah mel yang ditandatangani ini, Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk mendedahkan kad kredit dan butir-butir peribadi mereka, iaitu, nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat kepada Tri E Marketing Sdn. Bhd. untuk tujuan pembayaran dan penghantaran produk.